



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

**JTW 223 – Pengurusan Operasi**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 20 markah.

**SOALAN 1 [20 markah]**

- (a) Model Kuantiti Pesanan Ekonomi (*Economic Order Quantity Model*) merupakan satu kaedah yang popular dan mudah digunakan oleh pengurus operasi bagi menentukan jumlah pesanan barang yang diperlukan. Apakah andaian utama yang perlu diambilkira oleh pengurus operasi bagi memastikan kuantiti pesanan dibuat adalah tepat? Jelaskan.

(12 markah)

- (b) Jelaskan input utama dalam sistem *Material Requirements Planning* (MRP).

(8 markah)

**SOALAN 2 [20 markah]**

Penyusunan perkakasan di kilang atau di pejabat adalah berbeza bergantung kepada jenis operasi perniagaan bagi meningkatkan kecekapan operasi pengeluaran. Terangkan jenis-jenis susun atur dan berikan contoh syarikat yang mempraktikkan jenis susun atur tersebut.

**SOALAN 3 [20 markah]**

Sistem pengeluaran Toyota, *Just-in-Time* dan pengurusan lini (*lean management*), merupakan tiga amalan sistem pengurusan Jepun yang digunakan untuk mengekalkan kelebihan daya saing, mengurangkan pembaziran dan meningkatkan keuntungan syarikat.

- (a) Apakah perbezaan ketiga-tiga sistem pengurusan ini?

(6 markah)

- (b) Terangkan jenis-jenis pembaziran operasi yang boleh dikurangkan melalui amalan sistem pengeluaran Toyota.

(14 markah)

**SOALAN 4 [20 markah]**

Pengurusan risiko rantaian bekalan (*supply chain*) bagi McDonald's, Walmart, Toyota dan restoran Darden berbeza antara satu sama lain kerana operasi perniagaan yang berbeza. Bagi setiap syarikat ini, terangkan risiko utama rangkaian bekalan yang dihadapi dan teknik yang digunakan untuk mengatasi risiko tersebut.

**SOALAN 5 [20 markah]**

- (a) Terdapat pelbagai cabaran politik, ekonomi dan persaingan yang boleh memberi kesan jangka panjang kepada keputusan pemilihan lokasi untuk mengembangkan syarikat. Apakah kaedah-kaedah yang boleh digunakan untuk membuat keputusan tentang pemilihan lokasi? Jelaskan.

(10 markah)

- (b) Berikan maksud ergonomik. Terangkan faktor-faktor yang boleh menyebabkan risiko ergonomik di tempat kerja.

(10 markah)